

BAB LIMA

KESIMPULAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan membuat kesimpulan hasil dari keputusan data yang telah dibuat dalam Bab 4. Di samping itu, pengkaji akan mengemukakan suatu rumusan ringkas mengenai hasil kajian, implikasi kajian, masalah dan batasan kajian serta di akhiri dengan cadang-cadangan untuk kajian akan datang.

5.1 Kesimpulan

Berdasarkan keputusan data yang diperolehi, kesimpulan yang dapat dibuat adalah seperti berikut :

1. Pencapaian akademik dan kaitannya dengan konsep kendiri.

Berdasarkan keputusan peperiksaan sepanjang tahun 1988, ketiga-tiga sampel kajian menunjukkan minat yang tinggi untuk bersaing dengan rakan-rakan sekelas yang lain. Namun begitu terdapat halangan di dalam diri subjek yang menyebabkan mereka kurang berjaya untuk mendapatkan keputusan yang baik.

Ahmad bin Din, seorang murid yang selalu tidak yakin pada diri dan rasa dirinya tidak pandai telah menduduki tempat terakhir di dalam kelas setiap kali

keputusan peperiksaan diumumkan. Namun Ahmad tetap yakin yang dia akan lulus Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan baik.

Ramli bin Rahim pula seorang yang rajin dan disenangi oleh ahli keluarga. Dia seorang yang berkeyakinan dan yakin lulus PMR dengan cemerlang. Keyakinannya itu mendorongnya meletakkan sasaran cemerlang dalam mata pelajaran Sains, Sejarah, Geografi dan Kemahiran Hidup. Merujuk kepada Jadual 4, sememangnya Ramli telah mencatatkan keputusan peperiksaan yang memuaskan bagi keempat-empat matapelajar tersebut. Semasa peperiksaan pertengahan tahun 1998, dia telah mendapat kedudukan yang ke 33 daripada 37 orang murid. Kedudukan di dalam kelas bertambah baik semasa peperiksaan akhir tahun, di mana beliau telah mendapat tempat ke 26 daripada 38 orang murid.

Anuar bin Ali juga seorang murid yang rajin menolong ibu bapa, berusaha untuk maju dan yakin lulus peperiksaan PMR. Berdasarkan Jadual 4, Anuar telah mencatatkan keputusan yang baik dalam peperiksaan sepanjang tahun 1998. Cuma terdapat beberapa matapelajar yang bertanda 'TH' iaitu tidak hadir. Anuar akan tidak hadir ke sekolah pada sesuatu hari jika beliau

menghadapi masalah dengan sesuatu matapelajar. Keadaan tersebut berterusan kepada waktu peperiksaan. Tetapi Anuar tetap mencatatkan keputusan yang baik dalam peperiksaan akhir tahun. Dalam peperiksaan akhir tahun, Anuar mendapat tempat ke 29 daripada 28 orang murid.

What ?

Secara umumnya, Anuar telah mencatatkan keputusan yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Pendidikan Islam, Kemahiran Hidup dan Sejarah. Keputusan yang menggalakkan ini adalah hasil usahanya yang ingin mengatasi pencapaian adiknya yang berada dalam tingkatan yang sama. Anuar sebenarnya boleh maju dengan lebih giat lagi. Keyakinan diri yang kurang mantap dan suka berjalan-jalan menyebabkan prestasi akademiknya kurang cemerlang.

Kesimpulannya yang dapat dibuat, Anuar dan Ramli mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik daripada Ahmad. Di samping itu kedua-dua mereka telah menunjukkan tahap penyesuaian diri yang lebih baik dengan persekitaran yang baru di kelas normal. Tahap penyesuaian yang baik adalah hasil daripada keyakinan diri yang tinggi.

2. Tahap konsep kendiri berdasarkan skala konsep kendiri Tennessee

Berdasarkan Jadual 6, didapati skor Skala Konsep Kendiri Tennessee ketiga-tiga sampel kajian menunjukkan mereka mempunyai konsep kendiri sederhana. Jumlah skor Skala Konsep Kendiri Tennessee bagi Ahmad ialah 156, Ramli ialah 178 dan Anuar 154. Merujuk kepada jadual 6, skor item negatif bagi Ramli dalam kendiri sosial dan kendiri moral-etika adalah lebih tinggi daripada skor item positif. Keadaan ini menunjukkan pandangan Ramli tentang dirinya dari aspek sosial dan moral-etika. Pandangan yang negatif tentang diri, akan menjelaskan hubungan sosial Ramli dengan rakan sebaya. Manakala Ahmad dan Anuar mempunyai skor positif yang lebih tinggi daripada skor

negatif. Kecuali Anuar, di mana skor item negatif bagi kendiri moral-etika adalah lebih tinggi daripada skor item positif.

Kesimpulannya, soal-selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee yang memberi peluang kepada individu menilai tahap konsep kendiri masing-masing telah tidak memberi kesimpulan yang sama dengan penilaian yang dibuat oleh orang lain. Skor dimensi kendiri keluarga yang diperolehi oleh ketiga-tiga sampel kajian menunjukkan mereka berpuas hati dengan sokongan dan dorongan yang diperolehi daripada ibu bapa dan ahli keluarga yang lain. Dorongan dan sokongan daripada keluarga telah memberi kemantapan kepada konsep kendiri sampel kajian.

Oleh itu berdasarkan Skala Konsep Kendiri Tennessee dapat dibuat kesimpulan bahawa :

- a) Penilaian yang dibuat oleh sampel kajian ke atas diri mereka tidak dapat menggambarkan konsep kendiri mereka berbanding penilaian yang dibuat oleh orang lain.
- b) Sokongan dan dorongan daripada ahli keluarga kepada sampel kajian telah meningkatkan konsep kendiri setiap sampel kajian.

3. Hubungan Guru - Murid Dan Kakitangan Dengan Konsep Kendiri

Guru merupakan elemen yang penting di sekolah. Peranannya sangat penting dalam membentuk peribadi murid terutama ketika murid-murid itu masih kecil lagi. Guru menjadi manusia yang sangat dihormati ketika murid-murid belajar di sekolah rendah. Dalam kajian ini, pandangan guru telah diambil

kira bagi menentukan konsep kendiri murid-murid yang belajar di kelas inklusif. Walaupun murid-murid ini belajar di sekolah menengah, hubungan mereka dengan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini adalah rapat. Elemen yang diberi tumpuan untuk melihat konsep kendiri murid-murid melalui soal selidik untuk guru ialah ekstrovert, introvert, ketahanan, kritik diri, mengawal dan sokongan.

Keputusan skor domin ekstrovert menunjukkan Anuar memperolehi jumlah skor yang tertinggi iaitu 72 berbanding dengan Ramli dan Ahmad iaitu 67 dan 55. Manakala skor domin introvert menunjukkan Ahmad memperolehi jumlah skor yang tertinggi iaitu 39 berbanding Ramli dan Anuar iaitu 31 dan 30. Kedua-dua keputusan ini menunjukkan Ramli dan Anuar lebih suka berkomunikasi dengan orang, suka mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti kelompok, mudah didampingi dan optimistik berbanding dengan Ahmad.

Manakala bagi domin kritik diri, Ahmad memperolehi jumlah skor yang tinggi iaitu 66 berbanding Anuar dan Ramli, masing-masing mendapat skor 54 dan 52. Keputusan yang diperolehi menunjukkan Ahmad seorang yang suka menyalahkan diri sendiri dan sering merasa rendah diri berbanding Anuar dan Ramli. Di samping itu individu yang mempunyai skor kritik diri yang tinggi sering merasakan dirinya tidak sempurna, tidak stabil dari segi emosi dan menghadapi masalah dalam penyesuaian diri dalam situasi baru.

Laporan dari guru tingkatan juga menunjukkan Ahmad menghadapi masalah penyesuaian diri di dalam kelas berbanding Anuar dan Ramli. Dalam kajian ini penilaian dibuat berdasarkan pandangan guru terhadap subjek kajian.

Pandangan ini juga melibatkan hubungan guru-murid semasa sesi pembelajaran di dalam kelas.

Kesimpulannya, konsep kendiri Ramli dan Anuar adalah lebih tinggi atau positif berbanding konsep kendiri Ahmad.

5.2 Rumusan

Kajian terhadap murid-murid bermasalah pembelajaran di dalam kelas inklusif merupakan satu fenomena baru dalam dunia pendidikan khas. Begitu juga kajian tentang konsep kendiri murid-murid bermasalah pembelajaran di dalam kelas inklusif. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi konsep kendiri murid-murid bermasalah pembelajaran di dalam kelas inklusif. Antara faktor tersebut ialah penerimaan guru dan pencapaian akademik.

Kajian yang dijalankan oleh Frizt dan Miller (1995 dalam Saravanan 1997) telah mendedahkan kepentingan pandangan positif guru untuk kejayaan program pendidikan inklusif. Dalam kajian ini, Frizt dan Miller telah membuat perbandingan sikap guru di dalam dua buah sekolah terhadap program inklusif. Mereka telah memilih sebuah sekolah yang mempunyai guru-guru yang bersikap positif dan sebuah sekolah yang sebaliknya. Didapati wujud perbezaan pandangan di antara guru-guru yang bersikap negatif dan positif. Guru-guru yang dikategorikan bersikap negatif terhadap program inklusif menganggap mereka tidak mendapat sokongan guru besar. Selain itu mereka juga menganggap murid-

murid berkeperluan khas memonopoli masa pengajaran mereka dalam kelas inklusif. Guru-guru terpaksa meluangkan banyak masa untuk mengajar mereka perkara-perkara yang kurang difahami. Keadaan ini menyebabkan kelancaran pengajaran mereka terganggu dan sukanan pelajaran tidak dapat dihabiskan mengikut jadual.

Situasi ini menunjukkan penerimaan guru terhadap murid-murid bermasalah pembelajaran dalam kelas inklusif adalah sangat penting. Kajian Fishbaugh (1994 dalam Saravanan 1997) pula mendapati apabila murid-murid berkeperluan khas diletakkan dalam kelas biasa dan pengajaran dilaksanakan oleh guru biasa dengan bantuan guru pendidikan khas, pencapaian murid-murid normal dalam ujian menunjukkan pertambahan yang konsisten. Manakala murid-murid berkeperluan khas pula menunjukkan peningkatan ke arah matlamat dan objektif yang ditetapkan.

Pencapaian akademik sampel kajian menunjukkan peningkatan sepanjang tahun 1998. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru kelas biasa memberi layanan yang sama antara murid-murid normal dengan murid-murid bermasalah pembelajaran. Keadaan ini secara tidak langsung mengwujudkan suasana yang selesa kepada murid-murid tersebut. Murid-murid tersebut dapat belajar dengan baik tanpa gangguan dari emosi yang tidak stabil, keadaan fizikal yang mengganggu dan persepsi guru yang negatif. Malahan murid-murid tersebut lebih seronok belajar di kelas biasa berbanding di kelas khas. Guru-guru kelas biasa

telah berjaya mengwujudkan suasana pembelajaran dalam kelas biasa yang dapat menarik minat murid-murid bermasalah pembelajaran.

Sikap guru kelas biasa yang sedia membantu dan menerangkan apa yang kurang difahami telah mengwujudkan perasaan sukakan kelas biasa di dalam diri mereka. Keadaan itu secara tidak langsung dapat menambah minat mereka untuk belajar dan seterusnya mencapai kejayaan dalam PMR tahun 1999.

Kajian ini telah memberi implikasi yang besar kepada perkembangan kelas inklusif di sekolah kajian. Murid-murid yang dikaji telah menunjukkan peningkatan yang baik dari segi pencapaian akademik dan konsep kendiri. Konsep kendiri sampel kajian adalah sederhana. Ini menunjukkan mereka tidak berasa kekok dan berasa terasing apabila belajar bersama-sama murid-murid normal di kelas biasa. Pihak sekolah perlu meneruskan agenda kelas inklusif ini demi kepentingan murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas khas.

Pengkaji tidak menghadapi sebarang masalah ketika menjalankan kajian di sekolah kajian. Kesemua pihak menyedari betapa perlunya murid-murid tersebut diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu mengenai diri murid-murid, konsep kendiri dan pencapaian akademik begitu digalakkan oleh pihak sekolah kajian.

Oleh kerana sekolah kajian merupakan sekolah yang pertama mengwujudkan kelas inklusif masalah pembelajaran di daerah Petaling, maka sampel kajian adalah tidak ramai. Oleh itu, kajian ini perlu diperluaskan di daerah-daerah lain di seluruh negeri Selangor pada masa akan datang.

5.3 Cadangan

Kelas inklusif telah memberi peluang untuk murid-murid bermasalah pembelajaran meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Kewujudan kelas inklusif sahaja tidak mencukupi. Oleh itu beberapa cadangan diutarakan demi meningkatkan kualiti kelas inklusif.

5.3.1 Iklim Pembelajaran Yang Positif

Pihak sekolah dengan kerjasama pihak yang berwajib perlu mengwujudkan iklim pembelajaran yang positif di sekolah. Iklim pembelajaran yang sedia ada di sekolah kajian sememangnya baik tetapi guru-guru yang ditugaskan untuk mengajar murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas inklusif dan kelas khas kurang memahami peranan dan fungsi masing-masing. Oleh itu untuk mengwujudkan iklim pembelajaran yang lebih positif, guru-guru yang terlibat perlu diberi pendedahan mengenai kelas khas, kelas inklusif, kaedah pengajaran dan pembelajaran, komunikasi yang berkesan terhadap murid-murid masalah pembelajaran dan keperluan-keperluan mereka.

5.3.2 Meningkatkan Pengetahuan Personel Sekolah Mengenai Kelas Khas Dan Kelas Inklusif

Setiap orang personel di sebuah sekolah yang terlibat dengan kelas inklusif perlu didedahkan dengan konsep kelas inklusif yang diwartakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Penerangan itu bukan sahaja

merangkumi keperluan-keperluan asas murid-murid bermasalah pembelajaran di sekolah tetapi juga menrangkumi kaedah pengajaran, alat audio-visual yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan masa depan murid-murid tersebut. Setiap personel sekolah perlu tahu aspek-aspek tersebut untuk tujuan penyelia. Tanpa maklumat-maklumat tersebut pihak personel sekolah gagal membuat penyeliaan yang baik dan tidak mengetahui kaedah terbaik untuk membantu meningkatkan pencapaian akademik murid-murid tersebut. Pihak personel akan gagal mengesan kelemahan guru yang mengajar dan secara tidak langsung pihak sekolah tidak peka dengan perkembangan sosial, emosi dan pencapaian akademik murid-murid masalah pembelajaran

Kajian yang dijalankan menunjukkan murid-murid masalah pembelajaran dalam kelas inklusif menghadapi masalah dalam menyalin nota. Oleh itu, guru perlu menyediakan alternatif lain untuk mereka. Kelewatan menyalin nota adalah tidak disengajakan kerana masalah koordinasi tangan mereka. Jika situasi ini dibiarkan berterusan maka akan timbul konsep kendiri yang rendah di kalangan mereka.

Oleh itu untuk mengwujudkan iklim pembelajaran yang positif, guru perlu mengajar dengan menggunakan alat audio-visual supaya mudah digunakan oleh murid-murid masalah pembelajaran dan nota-nota yang disedia oleh guru dapat disalin kemudian oleh mereka.

Untuk mengwujudkan iklim pembelajaran yang positif, murid-murid yang menghadapi masalah koordinasi tangan perlu dielakkan daripada gerak

kerja menulis yang banyak dan melukis. Oleh itu, murid-murid tersebut hanya diajar mata pelajaran yang tertentu sahaja sesuai dengan kemampuan diri mereka.

5.4 Penutup

Pendidikan inklusif merupakan satu kontinum yang boleh dianjak mengikut keperluan murid. Sementara itu kemahiran yang berbeza di kalangan tenaga pengajar sangat-sangat diperlukan bagi mendidik di setiap tahap yang bermula dari bentuk perpisahan atau segregasi hingga ke bentuk inklusif sepenuhnya.

Pendidikan inklusif bukanlah satu perkara baru bagi para pendidik di bidang ini. Apa yang sebenarnya berlaku adalah sedikit perubahan. Menyentuh tentang perubahan ini beberapa perkara perlu diambil ingat oleh pihak yang terlibat dalam pendidikan inklusif :

- * Perubahan yang sering berlaku ini akan tetap muncul dalam bidang pendidikan dan selalunya ia tidak akan menyenangkan sesiapapun.
- * Pendidikan inklusif adalah satu perubahan kecil yang berlaku di dalam proses pengsealiran. Setiap yang terlibat harus berwaspada akan implikasinya terutama kepada anak didik kita yang berkeperluan khas. Tindak tanduk kita sekarang akan menentukan nasib mereka di masa hadapan.